

Koleksi Cerita Kanak-Kanak

Guri Emas



TAJUK: Guri Emas



Di sebuah kampung ada

seorang peladang tua. Isterinya sudah lama meninggal dunia. Dia tinggal dengan lima orang anak lelakinya. Anak-anaknya semua sudah besar.

Anak-anaknya malas bekerja. Mereka mengharapkan bapanya sahaja bekerja.



Pada suatu hari, peladang tua itu jatuh sakit. Semakin sehari semakin uzur. Dia tidak dapat bekerja lagi. Pokok kelapa tidak dijaga lagi. Pokok kelapa sudah tidak subur lagi. Hasilnya bertambah kurang.



Sebelum peladang itu meninggal dunia, dia berpesan kepada anak-anaknya. Dia menyuruh anak-anaknya mencari guri emas di dalam kebun. Setelah peladang itu meninggal dunia, anak-anaknya berebut-rebut mencari guri tersebut. Mereka menyangkul di dalam kebun kelapa.



Mereka menyangkul di segenap batang pokok kelapa. Mereka menyangkul siang dan malam. Mereka terus menggali di sana sini. Dari sehari ke sehari, mereka

terus mencari guri emas itu. Tetapi guri emas itu tidak ada.



Akhirnya, pokok kelapa bertambah subur. Pokoknya berbuah lebat. Pada suatu petang, datang peraih ke kebun itu. Peraih membawa lori hendak mengangkut buah kelapa. Dia hendak membeli buah kelapa dengan banyak.



Anak-anak peladang itu memetik buah kelapa. Mereka jualkan kepada peraih. Mereka dapat wang banyak. Mereka sedar guri emas itu tidak ada. Mereka sedar, bapa mereka mahu mereka rajin bekerja. Semenjak itu, mereka pun rajin bekerja.

Sekian